

MyCC 'polis' antipersaingan

Walaupun sudah lapan tahun ditubuhkan sejak 1 April 2011, nama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) agak tenggelam. Namun minggu lalu, MyCC tiba-tiba 'popular' apabila laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan setebal 336 muka surat membabitkan lima jenis makanan dikeluarkan dengan kupasan kelemahan serta cadangan yang perlu diberi perhatian serius. Wartawan BH, MOHD AZIS NGAH dan AMIN RIDZUAN ISHAK mendapatkan komen Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, mengenai agensi ini yang diibaratkan seperti 'polis' antipersaingan.

Soalan: Boleh kongsi latar belakang pemubuhan MyCC?
Jawapan: MyCC adalah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Contohnya seperti perjanjian antipersaingan atau kartel (Seksyen 4) dan penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli (Seksyen 10). MyCC beroperasi secara autonomi pada peringkat Persekutuan untuk memudahkan pengawasan terhadap



Menurut Seksyen 3 AP 2010, MyCC mempunyai bidang kuasa dalam apa-apa aktiviti komersial, sama ada dalam atau luar negara. Siasatan boleh dimulakan melalui tiga cara iaitu aduan, arahan menteri dan atas inisiatif sendiri.

Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC